

**GARIS PANDUAN  
PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,  
SUKAN DAN KOKURIKULUM  
SEKOLAH RENDAH  
(PAJSK | SR)**

## PENDAHULUAN

Kegiatan Kokurikulum Sekolah merangkumi tiga aktiviti utama iaitu **Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan/Permainan**. Penyertaan dalam ketiga-tiga kegiatan ini merupakan sebgai daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti termaktub dalam **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997**, berkuatkuasa 1 Januari 1998 (**Akta Pendidikan 1996 – Seksyen 18 dan 30**). Kepentingan aktiviti ini juga setara dengan aktiviti kurikulum dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada pengajaran dan pembelajaran murid serta pembentukan modal insan (murid) secara menyeluruh yang meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

## RASIONAL

**Pentaksiran** kegiatan kokurikulum yang dibuat oleh sekolah didapati berbeza-beza antara satu sama lain. Keadaan ini menjelaskan wujudnya unsur-unsur ketidaksamarataan dalam pemberian markah kepada murid. Kemungkinan ada murid memperoleh markah yang berbeza walaupun pencapaian dalam kegiatan kokurikulum adalah sama. Melalui pendekatan ini, penggunaan borang dan cara **pentaksiran** yang **standard** membolehkan unsur-unsur ketidakadilan dalam pemberian markah boleh dihindari.

## OBJEKTIF

- Menyediakan satu kaedah pentaksiran aktiviti kokurikulum yang *standard* dan boleh diterima pakai oleh semua sekolah.
- Membantu Bahagian Sekolah Berasrama Penuh, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam membuat penilaian kemasukan murid-murid ke institusi tersebut.
- Membantu Jabatan Pengurusan, Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi dalam membuat penilaian kemasukan pelajar-pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/Universiti Awam (UA).
- Menggalak dan meningkatkan penglibatan yang menyeluruh dalam kalangan murid.

## KAEDAH PENILAIAN

Bagi menentukan murid sentiasa cergas dan bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum, penilaian kokurikulum dilakukan pada setiap tahun sepanjang persekolahannya. Keputusan Pentaksiran akan dipersembahkan dalam bentuk **Prestasi Tahun Semasa (Grade Point Average)** dan **Himpunan Prestasi** sepanjang tempoh persekolahan (**Cumulative Grade Point Average**). Tempoh Pentaksiran setiap tahun bermula daripada **1 Januari** hingga **31 Disember**.

- a. Pentaksiran direkod secara dalam talian melalui laman sesawang <http://pajsk.moe.gov.my> berpandukan instrumen pentaksiran PAJSK.
- b. Murid Berkeperluan Khas dikecualikan menjalani Ujian SEGAK.
- c. Murid Tahun 4 yang berumur 9 tahun dikecualikan menjalani Ujian SEGAK.
- d. Murid Berkeperluan Khas / Sakit Kronik / Sakit Berpanjangan atau lain-lain alasan yang munasabah boleh dikecualikan daripada menjalankan aktiviti kokurikulum dan tidak akan ditaksir. Status murid ini ditanda sebagai TL (Tidak Laksana) dalam slip pelaporan kokurikulum.
- e. Bagi murid yang diberhentikan persekolahan, pentaksiran hingga tarikh akhir murid ini bersekolah sahaja diambil kira.
- f. Pindaan tahun sebelum sekiranya terdapat kesilapan, pihak sekolah perlu membuat permohonan rasmi secara bertulis dan disertakan bersama borang (RUMUS1-KP, RUMUS2-PBB, RUMUS3-SP, Borang Rumusan Ekstra Kurikulum) tahun yang hendak dipinda bersama salinan sijil / surat sebagai bukti.

# PANDUAN PEMARKAHAN

## 1. FORMAT PAJSK

Terbahagi kepada tiga komponen

**JADUAL 1:  
KOMPONEN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,  
SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)**

BAHAGIAN	KOMPONEN
1	SEGAK
2	Kokurikulum: <ul style="list-style-type: none"><li>- Kelab Persatuan</li><li>- Unit Beruniform</li><li>- Sukan/Permainan</li></ul>
3	Ekstra Kurikulum

## 2. UJIAN SEGAK

SEGAK adalah satu set Ujian Standard Kecergasan Fizikal untuk mengukur tahap kecergasan fizikal murid berdasarkan kesihatan. Komponen kecergasan yang diukur dalam SEGAK terkandung dalam ***Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah dan Menengah***. Ujian ini hendaklah ditadbir oleh Guru Pendidikan Jasmani dan dilaksanakan dalam bulan **Mac** dan **Ogos**. Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2016: Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah bertarikh 17 Februari 2016.

## 3. KOKURIKULUM

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2005 telah memutuskan, setiap murid wajib mengikuti tiga aktiviti kokurikulum seperti berikut:

- i. Kelab/Persatuan
- ii. Pasukan Badan Beruniform; dan
- iii. Sukan/Permainan

Mesyuarat juga menetapkan syarat merit 10 peratus markah kokurikulum bagi kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Universiti Awam (UA). Bagi tujuan pentaksiran hanya dua markah tertinggi sahaja yang diambil kira daripada tiga aspek utama yang melibatkan enam (6) elemen.

### 3.1. ASPEK PENTAKSIRAN

Pentaksiran Kokurikulum di sekolah meliputi tiga aspek utama seperti berikut:

- i. Penglibatan;
- ii. Penyertaan; dan
- iii. Prestas.

Semua aktiviti yang disertai murid akan direkodkan bagi menggalakkan murid untuk mendapatkan skor yang setimpal bagi penglibatan dalam aktiviti berkenaan. Hanya **MARKAH YANG TERTINGGI** sahaja daripada setiap sub-komponen kokurikulum diambilkira untuk tujuan pentaksiran. Pentaksiran tersebut adalah berdasarkan enam (6) elemen seperti berikut:

**JADUAL 2:  
ASPEK AKTIVITI KOKURIKULUM DAN SUKAN**

<b>I. KELAB/PERSTUAN - 110 MARKAH</b>					
<b>Penglibatan (50 markah)</b>				<b>Penyertaan (40 markah)</b>	<b>Prestasi (20 markah)</b>
Jawatan	Peringkat	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20
<b>II. PASUKAN BADAN BERUNIFORM - 110 MARKAH</b>					
<b>Penglibatan (50 markah)</b>				<b>Penyertaan (40 markah)</b>	<b>Prestasi (20 markah)</b>
Jawatan	Peringkat	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20
<b>III. SUKAN/PERMAINAN - 110 MARKAH</b>					
<b>Penglibatan (50 markah)</b>				<b>Penyertaan (40 markah)</b>	<b>Prestasi (20 markah)</b>
Jawatan	Peringkat	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20

### 3.1.1 Jawatan Disandang (10 markah)

Markah diberikan kepada individu yang memegang sesuatu jawatan yang tertinggi dalam kegiatan kokurikulum. Sungguhpun begitu ahli-ahli biasa dan jawatan-jawatan yang lain juga diperuntukkan markah mengikut jenis jawatan yang disandang. Agihan markah seperti berikut:

**JADUAL 3:  
SKOR BAGI ASPEK PENGLIBATAN - ELEMEN PERJAWATAN  
DALAM KELAB/PERSATUAN DAN SUKAN/PERMAINAN**

	<b>JAWATAN</b>	<b>SKOR</b>
<b>ELEMEN JAWATAN Kelab/Persatuan &amp; Sukan/Permainan</b>	Pengerusi / Kapten Pasukan / Ketua Rumah	10
	Naib Pengerusi / Penolong Ketua Rumah / Penolong Kapten / Setiausaha / Bendahari	8
	Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari / Ahli Jawatankuasa	6
	Ahli Aktif	4
	Ahli berdaftar	2

**JADUAL 4:  
SKOR BAGI ASPEK PENGLIBATAN ELEMEN PERJAWATAN  
PASUKAN UNIT BERUNIFORM ANJURAN KPM / BADAN KERAJAAN / BADAN BUKAN  
KERAJAAN / AGENSI LUAR**

	<b>JAWATAN</b>	<b>SKOR</b>
<b>PBB (Anjuran KPM, Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan / Agensi Luar)</b>	Sarjan TKRS, Ketua Trup, Sarjan/Pengerusi, Ketua Puteri (Mega Puteri),Ketua Utama Seksyen, Komander/Pengerusi, Bentara Kanan	10
	Koperal TKRS, Penolong Ketua Trup, Koperal/Naib Pengerusi, Penolong (Puteri Megasari), Ketua Seksyen, Naib Pengerusi, Bentara	8
	Lans Koperal TKRS, Setiausaha / Bendahari, Lans Koperal/Setiausaha /Bendahari, Setiausaha/ Bendahari(Puteri Bistari), Setiausaha/Bendahari, Satria	7
	Quartermaster Trup, Penolong Setiausaha/ Bendahari, Penolong Setiausaha/ Bendahari (Puteri Kejora), Penolong Setiausaha/ Bendahari, QM (Teknikal/Sajian)	6
	Ketua Patrol, Ahli Jawatankuasa, Ketua Kumpulan Pasukan (Puteri Saujana), Kuarter Master, Ketua Skwad,Satria Muda	5
	Penolong Ketua Patrol, Ahli Aktif, Ketua Kumpulan (Puteri Mestika), Ketua Kumpulan, Ahli Jawatankuasa	4
	Ahli Biasa/ Ahli Berdaftar	2

**JADUAL 5:  
SKOR BAGI ASPEK PENGLIBATAN ELEMEN PERJAWATAN  
PASUKAN UNIT BERUNIFORM DALAM ELEMEN SENI BELA DIRI**

<b>PBB (Seni Bela Diri)</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>SKOR</b>
	Pengerusi / Bengkung Merah / Tali Pinggang Hitam	10
	Naib Pengerusi: Bengkung Hijau 3 dan Tali Pinggang Merah 2	8
	Setiausaha / Bendahari : Bengkung Hijau 2 dan Tali Pinggang Merah 1	7
	Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari: Bengkung Hijau 1, Tali Pinggang Biru 2	6
	Ahli Jawatankuasa: Cula 3 dan Tali Pinggang Biru 1	5
	Ahli Aktif: Class 3, Cula 2 dan Tali pinggang Hijau 1&2	4
	Ahli Biasa, Tali pinggang kuning 1 & 2	2

### 3.1.2. Peringkat Pelibatan (20 markah)

Markah ini diberikan kepada semua ahli berdasarkan sumbangan dan komitmen mereka dalam semua aktiviti yang dijalankan dan tahap penglibatan yang disertai. Markah penglibatan bagi individu dan ahli pasukan atau pasukan adalah sama. Terdapat tiga jenis tahap penglibatan seperti keterangan berikut:

**JADUAL 6: JENIS PELIBATAN**

<b>JENIS</b>	<b>TAFSIRAN</b>
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Penglibatan murid dalam aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jawatankuasa pelaksana</li> <li>- Petugas Teknikal</li> <li>- Persembahan selingan</li> </ul>
PELIBATAN III	Penglibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

**JADUAL 7: SKOR PELIBATAN**

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

**3.1.3. Komitmen (10 markah)**

Komitmen dinilai atau ditaksir daripada 10 aspek dalam pengamatan, pemerhatian guru penasihat. Penumpuan pemerhatian guru meliputi aspek berkaitan kepimpinan, sikap dan kesungguhan seseorang murid semasa melaksanakan aktiviti. Guru Penasihat hanya boleh menandakan maksima empat (4) aspek daripada 10 pilihan yang diberi dengan wajaran markah seperti di senaraikan.

**JADUAL 8: SKOR ELEMEN KOMITMEN**

ELEMEN	PERKARA	SKOR
KOMITMEN	Menunjukkan Kepimpinan	3
	Mengurus Aktiviti	3
	Membantu guru atau rakan	2
	Menyedia Peralatan	2
	Mengemas Peralatan	2
	Membersih Kawasan	2
	Menepati Waktu	2
	Menunjukkan Minat	2
	Menunjukkan Kesungguhan	2
	Mengikut Arahan	2
	Mencuba	2
	Memberi Kerjasama	2
	Mana-mana Nilai Murni Yang Boleh Diperhatikan	2

### 3.1.4. Khidmat Sumbangan (10 markah)

Dalam aspek ini markah diberikan kepada murid berdasarkan penglibatan dan sumbangan dalam aktiviti atau program **di peringkat sekolah**. Empat aspek yang dinilai meliputi perkara-perkara seperti berikut:

**JADUAL 9: SKOR ELEMEN KHIDMAT SUMBANGAN**

ELEMEN	PERKARA	SKOR
KHIDMAT SUMBANGAN (PERINGKAT SEKOLAH)	<u>ATLET/ PESERTA:</u> Murid yang didaftarkan sebagai atlet atau peserta program / pertandingan / Karnival / kursus	10
	<u>KEMAHIRAN KHUSUS</u> Melibatkan kemahiran khusus – berkaitan aspek teknikal (pengadil, jurulatih pasukan, dll yang berkaitan dengan aspek teknikal)	10
	<u>PERSEMBAHAN:</u> Penglibatan murid yang terlibat dalam aktiviti seperti persembahan selingan	8
	<u>SOKONGAN:</u> Membantu dari segi menjayakan aktiviti kelab persatuan sukan sekolah seperti mengambil bahagian dalam perbarisan atau persembahan, kumpulan sorak/ penyokong, dan yang berkaitan.	5

### 3.1.5. Kehadiran (40 markah)

Aspek kehadiran memberikan markah tertinggi dalam pentaksiran ini, dengan tujuan untuk menggalakkan murid hadir pada setiap perjumpaan yang ditetapkan. Bilangan perjumpaan hendaklah tidak kurang daripada dua belas (**12 kali**) setahun dengan mengambilkira satu perjumpaan bersamaan **dua (2) jam**. Pengecualiaan kehadiran hanya dipertimbangkan jika murid sakit, menyertai kegiatan kokurikulum yang lain dengan kelulusan sekolah dan sebab-sebab lain yang munasabah. Ketidakhadiran ini perlulah dalam pengetahuan pihak sekolah.

**JADUAL 10: SKOR ELEMEN KEHADIRAN**

ELEMEN	BILANGAN	MARKAH	BILANGAN	MARKAH
KEHADIRAN	1	3.33	7	23.21
	2	6.66	8	26.64
	3	9.99	9	29.97
	4	13.32	10	33.30
	5	16.65	11	36.63
	6	19.98	12	40

### 3.1.6 Pencapaian (20 markah)

Markah diberikan berdasarkan pencapaian murid dalam pertandingan yang dilaksanakan di semua peringkat. Pencapaian yang di taksir hanyalah kepada kedudukan Johan, Naib Johan dan ketiga, walau bagaimanapun tempat keempat dan kelima diberikan dalam acara individu di peringkat Sekolah. Markah pencapaian murid adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11: SKOR ELEMEN PENCAPAIAN**

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	Peringkat					
	Antarabangsa	20	19	18		
	Kebangsaan	17	16	15		
	Negeri	14	13	12		
	Bahagian (Sabah/Sarawak)	12	11	10		
	Zon/Daerah	11	10	9		
	Sekolah	8	7	6	5	4

### 3.2. Ekstra Kurikulum ( 10 markah)

Ekstra kurikulum merupakan satu kegiatan sukarela yang bermanfaat pada atau di luar waktu persekolahan, ke arah pembentukan peribadi yang terpuji. Markah yang diperoleh daripada bidang ini akan dicampurkan dengan markah tertinggi purata 2 daripada 3 aktiviti kokurikulum samaada Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform atau Sukan/Permainan. Hanya markah tertinggi sahaja yang diambil daripada salah satu **lima (5)** elemen seperti berikut:

#### 3.2.1. Perkhidmatan

Elemen jawatan yang disandang oleh murid-murid dalam satu-satu kelab atau persatuan bukan kokurikulum yang melibatkan perkhidmatan bagi tujuan membantu pengurusan dan pentadbiran sekolah. Jawatan ini melibatkan pelantikan berdasarkan ciri-ciri kepimpinan seseorang individu. Huraianya seperti berikut:

**JADUAL 12:  
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN PERKHIDMATAN**

ELEMEN	PERKARA	SKOR
<b>PERKHIDMATAN</b>  (Bukti Penglibatan: Sijil Pencapaian)	Ketua Murid	10
	Timbalan/Penolong Ketua Murid	8
	Pengurusan Utama yang ditubuhkan untuk membantu sekolah Pengawas/ Ketua Asrama / Ketua PRS /BADAR/ Pengerusi Badan-Badan Perkhidmatan Sekolah	7
	Penolong Ketua Asrama / Pengawas Pusat Sumber/ BADAR	6
	AJK Utama Badan-badan Perkhidmatan atau Pengurusan / Bendahari / Setiausaha / Ketua Biro - Asrama / PRS / BADAR/ Penerima sijil dan lencana SLAD / PROSTAR / Pegawai Koperasi / / Ketua Kelas / Ketua Tingkatan /	5
	Ahli-ahli J/Kuasa Perkhidmatan dan Sokongan - AJK Kecil Biro / Ketua Bilik / Ketua Dorm/BADAR/ Penerima sijil SLAD / PROSTAR/ Penolong Ketua Kelas / Penolong Ketua Bilik	3

### 3.2.2. Anugerah Khas

Pemberian pengiktirafan oleh Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Kesatuan/Persatuan Sukan yang berkaitan aktiviti kokurikulum murid di dalam dan luar kawasan Sekolah. Huraian markah seperti jadual berikut:

**JADUAL 13:  
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN ANUGERAH KHAS**

ANUGERAH KHAS	PERKARA	SKOR
	1. Anugerah Tunas Jaya- Kementerian Wanita dan Kebajikan Masyarakat	10
	2. Anugerah Khas Kokurikulum dan Sukan	
	2.1 Peringkat Kebangsaan	10
	2.2 Peringkat Negeri	8
	2.3 Peringkat Zon/Daerah/Bahagian	6
2.4 Peringkat Sekolah	4	
3. Lain-lain Anugerah /Penghargaan Khas Yang Setara		
3.1 Peringkat Kebangsaan	10	
3.2 Peringkat Negeri	7	
3.3 Peringkat Zon/Daerah/Bahagian	5	
3.4 Peringkat Sekolah	3	
4. Penyertaan Peringkat Antarbangsa BUKAN Anjuran KPM		
4.1 Emas	5	
4.2 Perak	4	
4.3 Gangsa	3	

### 3.2.3. Khidmat Masyarakat

Khidmat masyarakat ialah kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan dan mempunyai matlamat serta tujuan tertentu. Program yang diiktiraf dalam pentaksiran markah kokurikulum adalah bersifat berdiri sendiri dan bukan lanjutan daripada aktiviti kokurikulum yang sedia ada. Aktiviti boleh dilaksanakan berdasar senarai atau secara berulang. Tempoh masanya sekurang-kurangnya 3 jam bagi satu markah. Skor bagi setiap aktiviti yang dijalankan adalah seperti jadual.

**JADUAL 14:  
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN KHIDMAT MASYARAKAT**

ELEMEN	PERKARA	SKOR
<b>KHIDMAT MASYARAKAT</b>	1. Aktiviti Kejiranan/Komuniti	1
	2. Aktiviti Alam Sekitar	1
	3. Aktiviti Bencana Alam	1
	4. Aktiviti Khidmat Jabatan/Agensi	1
	5. Aktiviti Kebudayaan/Kesenian/ Integrasi	1
	6. Aktiviti Kerohanian	1
	7. Aktiviti Insaniah	1

### 3.2.4. Nilam

**Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM)** - satu program yang menggabungkan semua aktiviti galakan membaca yang diadakan di sekolah dengan memberi pengiktirafan. Pelaksanaan program ini meliputi penilaian pembacaan yang berterusan sepanjang tahun dan markah dikumpul secara kumulatif sehinggalah mereka tamat persekolahan. *Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bil: 13/1998 bertarikh 22 Mei 1998.* :Huraian markah seperti berikut

**JADUAL 15:  
ANUGERAH NILAM – SEKOLAH RENDAH**

<b>SEKOLAH RENDAH</b>	<b>PENGIKTIRAFAN</b>	<b>Bilangan Buku</b>	
	1 Bintang	144	287
2 Bintang	288	431	
3 Bintang	432	575	
4 Bintang	576	719	
5 Bintang	720	ke atas	

**JADUAL 16:  
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN PROGRAM NILAM**

<b>PERINGKAT</b>	<b>5 Bintang</b>	<b>4 Bintang</b>	<b>3 Bintang</b>	<b>2 Bintang</b>	<b>1 Bintang</b>
Kebangsaan	10				
Negeri	9				
Daerah/ Zon/ Bahagian	8	7	6	5	4
Sekolah	7	6	5	4	3

### 3.2.5. Tugas-tugas Khas

Tugas-tugas Khas ialah tugas-tugas yang diberikan kepada murid dalam menjayakan program-program atau hari-hari khas seperti sambutan hari Kebangsaan, sambutan hari Malaysia, hari Sukan Negara, Sukan SEA, dan Sukan ASIA. Program yang diiktiraf dalam pentaksiran markah kokurikulum adalah bersifat berdiri sendiri dan bukan lanjutan daripada aktiviti kokurikulum yang sedia ada. Skor bagi setiap aktiviti yang dijalankan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 17:  
EKSTRA KURIKULUM - SKOR ELEMEN TUGAS-TUGAS KHAS**

	<b>PERKARA</b>	<b>SKOR</b>
<b>TUGAS-TUGAS KHAS</b>	Peserta / Atlet Persembahan Padang, Perarakan, Perbarisan, Kejohanan sempena Sambutan Hari Kebangsaan peringkat Kebangsaan / Sukan SEA / Sukan ASIA / Hari Sukan Negara peringkat Kebangsaan	7
	Peserta Persembahan Padang, Perarakan dan Perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan / Hari Sukan Negara peringkat Negeri	6
	Sukarelawan program sukan peringkat antarabangsa yang dianjurkan dalam negara	5
	Sukarelawan pertandingan pancaragam peringkat antarabangsa yang dianjurkan dalam negara	4
	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya peringkat antarabangsa yang dianjurkan dalam negara	3

#### **4. PENGIKTIRAFAN PROGRAM**

Pengiktirafan program diberikan kepada semua bahagian yang menganjurkan aktiviti kokurikulum di bawah Sektor Operasi Pendidikan, KPM. Walau bagaimanapun, bagi memberi ruang dan peluang yang lebih luas kepada semua, KPM juga memberi pengiktirafan kepada aktiviti yang dianjurkan oleh pihak lain. Untuk itu, kelulusan dan pengesahan program perlu diperoleh terlebih dahulu daripada BKK, KPM. Senarai badan-badan yang terlibat dan contoh aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1. Badan Bukan Kerajaan (NGO):  
Contoh: Jambori Antarabangsa Pengakap, anjuran Persekutuan Pengakap Malaysia,
- 4.2. Kerajaan Negeri:  
Contoh: Larian 10K Bandaraya Ipoh, anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;
- 4.3. Badan Berkanun;  
Contoh: Pertandingan 'Drum Battle' dan 'Colour Guard' Pasukan Pancaragam, anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- 4.4. Badan Amanah;  
Contoh: Programme Green Ranger Malaysia, anjuran Yayasan EMKAY
- 4.5. Syarikat Awam; dan  
Contoh: Program Koperasi Sekolah, anjuran ANGKASA
- 4.6. Syarikat Swasta  
Contoh: Kem Remaja TUTOR, anjuran Utusan Malaysia Sdn. Bhd.

Ringkasan pengiktirafan adalah seperti berikut:

### A. Peringkat Antarabangsa

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Bahagian-bahagian KPM (Dalam Negara)	Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta (Dalam Negara)	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah negara termasuk Malaysia  Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah  Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
3.	Jabatan Pendidikan Negeri (Dalam Negara)	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah negara termasuk Malaysia  Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
4.	Bahagian-bahagian KPM / Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan / Sekolah (Luar Negara)	Mendapat kebenaran ke luar negara (Lampiran A)  Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
5.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta (Luar Negara)	Mendapat kebenaran ke luar negara (Lampiran A)  Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah  Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM

## B. Peringkat Kebangsaan

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Bahagian-bahagian KPM	Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah Negeri termasuk Negeri tuan rumah.  Setiap Negeri sekurang-kurangnya 3 buah sekolah  Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah  Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM
3.	Jabatan Pendidikan Negeri	Melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah Negeri termasuk Negeri tuan rumah.  Setiap Negeri sekurang-kurangnya 3 buah sekolah  Diluluskan oleh MP / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM

### C. Peringkat Negeri

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Jabatan Pendidikan Negeri	Diluluskan oleh Pengarah JPN
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	Melibatkan sekurang-kurangnya 4 buah Daerah termasuk Daerah tuan rumah.  Setiap Daerah sekurang-kurangnya 3 buah sekolah  Sekiranya Negeri yang tiada Daerah, sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah sekolah dilibatkan  Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah  Diluluskan oleh Pengarah JPN
3.	Pejabat Pendidikan Daerah	Melibatkan sekurang-kurangnya 4 buah Daerah termasuk Daerah tuan rumah.  Setiap Daerah sekurang-kurangnya 3 buah sekolah  Diluluskan oleh Pengarah JPN

#### D. Peringkat Daerah

Bil.	Anjuran	Syarat
1.	Pejabat Pendidikan Daerah	Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	Melibatkan sekurang-kurangnya 5 buah sekolah. Tiada implikasi kewangan kepada KPM/JPN/PPD/sekolah Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah
3.	Sekolah	Melibatkan sekurang-kurangnya 5 buah sekolah termasuk sekolah tuan rumah. Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah

## 5. CARA PENGIRAAN MARKAH

**JADUAL 18:  
CONTOH CARA PENGIRAAN MARKAH KOKURIKULUM**

Komponen	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6	Penyataan PBS
Kelab/ Persatuan	55	<b>64</b>	<b>86</b>	Bagi tujuan pelaporan dua markah tertinggi dipilih
Pasukan Badan Beruniform	<b>70</b>	<b>80</b>	<b>70</b>	
Sukan/Permainan	<b>58</b>	60	59	
Ekstra Kurikulum	5	10	5	
<b>MARKAH</b>				
Markah purata dua aktiviti terbaik	$\frac{128}{2}$	$\frac{144}{2}$	$\frac{156}{2}$	Hanya CGPA tahun semasa dan markah 10% sahaja akan direkodkan di atas penyataan PBS-PAJSK
Markah Purata + Ekstra Kurikulum	64 + 5	72 + 10	78 + 5	
Markah Tahun Semasa (GPA)	69	82	83	
Markah Kumulatif Tahun Semasa (CGPA)	69	$\frac{(69 + 82)}{2}$ = 75.5	$\frac{(75.5 + 83)}{2}$ = 79.25	
Markah 10% kepada dua titik perpuluhan	<b>6.90</b>	<b>7.52</b>	<b>7.93</b>	

## 6. CARA PENGIRAAN, GPA, CGPA DAN 10% MARKAH KOKURIKULUM

Keputusan Pentaksiran akan dipersembahkan dalam bentuk Prestasi Tahun Semasa (GPA) dan Himpunan Prestasi Sepanjang Tempoh Persekolahan (CGPA). Contoh prestasi GPA dan CGPA murid dalam bidang Kokurikulum dalam tempoh persekolahan.

**Jadual 19:  
PENGIRAAN PAJSK**

<b>TAHUN</b>	<b>Tahun</b>	<b>Markah Kokurikulum</b>	<b>GPA</b>	<b>CGPA</b>
2013	4	69	69	69.0
2014	5	82	82	75.5
2015	6	83	83	79.25

## 7. PERTUKARAN SKOR 110 MARKAH KEPADA 100 MARKAH

SKOR 110	100 MARKAH
1	0.91
2	1.82
3	2.73
4	3.64
5	4.55
6	5.45
7	6.36
8	7.27
9	8.18
10	9.09
11	10.00
12	10.91
13	11.82
14	12.73
15	13.64
16	14.55
17	15.45
18	16.36
19	17.27
20	18.18
21	19.09
22	20.00
23	20.91
24	21.82
25	22.73
26	23.64
27	24.55
28	25.45
29	26.36
30	27.27
31	28.18
32	29.09
33	30.00
34	30.91
35	31.82
36	32.73
37	33.64
38	34.55

SKOR 110	100 MARKAH
39	35.45
40	36.36
41	37.27
42	38.18
43	39.09
44	40.00
45	40.91
46	41.82
47	42.73
48	43.64
49	44.55
50	45.45
51	46.36
52	47.27
53	48.18
54	49.09
55	50.00
56	50.91
57	51.82
58	52.73
59	53.64
60	54.55
61	55.45
62	56.36
63	57.27
64	58.18
65	59.09
66	60.00
67	60.91
68	61.82
69	62.73
70	63.64
71	64.55
72	65.45
73	66.36
74	67.27
75	68.18
76	69.09

SKOR 110	100 MARKAH
77	70.00
78	70.91
79	71.82
80	72.73
81	73.64
82	74.55
83	75.45
84	76.36
85	77.27
86	78.18
87	79.09
88	80.00
89	80.91
90	81.82
91	82.73
92	83.64
93	84.55
94	85.45
95	86.36
96	87.27
97	88.18
98	89.09
99	90.00
100	90.91
101	91.82
102	92.73
103	93.64
104	94.55
105	95.45
106	96.36
107	97.27
108	98.18
109	99.09
110	100.00

## 8. GRED PENCAPAIAN

Jadual 20:  
GRED PENCAPAIAN

GRED	MARKAH
A	Antara 80 hingga 100
B	Antara 60 hingga 79
C	Antara 40 hingga 59
D	Antara 20 hingga 39
E	19.9 dan kurang
TL	Tidak Laksana

## 9. HURAIAN GRED

BIL.	JULAT SKOR RENDAH	JULAT SKOR TINGGI	TAHAP	PENYATAAN	GRED
1	80	100	Cemerlang	Syabas. Anda Seorang Yang Sangat Aktif, Komited Dan Menunjukkan Potensi Diri Yang Tinggi Dalam Aktiviti Yang Disertai. Anda Hendaklah Mengekalkan Kecemerlangan Prestasi Dan Mempertingkatkan Usaha Untuk Berjaya Dalam Bidang Yang Diceburi Dan Diminati. Semoga Kecemerlangan Ini Boleh Diteladani Oleh Yang Lain	A
2	60	79.9	Kepujian	Tahniah. Anda Merupakan Seorang Yang Aktif, Komited Dan Menunjukkan Minat Yang Memuaskan Dalam Aktiviti Yang Disertai. Anda Boleh Mempertingkatkan Potensi Diri Dan Prestasi Dalam Aktiviti Yang Diceburi Sekiranya Memberi Lebih Penumpuan Dalam Aktiviti Tersebut	B

3	40	59.9	Baik	Penglibatan Dan Penyertaan Anda Dalam Aktiviti Yang Disertai Adalah Memuaskan. Anda Perlu Dan Mampu Untuk Lebih Berusaha Bagi Meningkatkan Prestasi Ke Tahap Pencapaian Yang Lebih Baik Dalam Aktiviti Yang Disertai	C
4	20	39.9	Kurang Memuaskan	Penglibatan Anda Kurang Dan Tidak Menunjukkan Kesungguhan Dalam Aktiviti Yang Disertai. Tingkatkan Usaha Anda Dalam Aktiviti Yang Disertai Supaya Anda Dapat Mencapai Tahap Prestasi Yang Lebih Baik	D
5	0	19.9	Tidak Memuaskan	Penglibatan Dan Tahap Pencapaian Anda Tidak Memuaskan Dalam Aktiviti Yang Disertai. Anda Perlu Mempertingkatkan Motivasi Diri Untuk Mencapai Tahap Prestasi Yang Lebih Baik	E
6			Tidak Laksana	Tidak Laksana Aktiviti	TL

## 10. SENARAI AKTIVITI KOKURIKULUM

### 10.1. KELAB/PERSATUAN

**JADUAL 21: SENARAI KELAB/PERSATUAN**

1	KELAB AERO MODELING	28	KELAB MEDIA (FOTOGRAFI)
2	PERSATUAN AGAMA ISLAM	29	KELAB PEMBINAAN CIDB
3	PERSATUAN AGAMA BUDDHA	30	KELAB PENCIANTA ALAM//ALAM SEKITAR
4	PERSATUAN AGAMA HINDU	31	KELAB PENGGUNA
5	PERSATUAN AGAMA KRISTIAN	32	KELAB RUKUN NEGARA
6	PERSATUAN ASTRONOMI/FALAK	33	KELAB SKIM PINJAMAN BUKU TEKS
7	PERSATUAN BAHASA ARAB	34	KELAB ULUL ALBAB
8	PERSATUAN BAHASA CINA	35	KELAB USAHAWAN MUDA/ TUNAS NIAGA
9	PERSATUAN BAHASA INGGERIS	36	KELAB/ PERSATUAN KEMAHIRAN AL-QURAN
10	PERSATUAN BAHASA MELAYU	37	KELAB/PERSATUAN KOMPUTER/ICT
11	PERSATUAN BAHASA TAMIL	38	KELAB MEMANCING
12	KELAB CYBER KID	39	KELAB MUZIK
13	KELAB DOKTOR MUDA	40	KELAB NUMESMATIK (MENGUMPUL SYILING)
14	KELAB DOKTOR MUDA PENDIDIKAN KHAS	41	KELAB ORKESTRA
15	KELAB FILATELI (KUMPUL SETEM)	42	KELAB PEMIMPIN MUDA SUKAN (QM)
16	KELAB INOVASI/REKACIPTA	43	KELAB PERDAGANGAN
17	KELAB KEBUDAYAAN (TEATER/ DRAMA/ NYANYIAN)	44	KELAB PELANCONGAN
18	KELAB KECERIAAN/LANSKAP	45	KELAB PERPADUAN
19	KELAB 1 MALAYSIA (SETIA)	46	KELAB PERTANIAN
20	KELAB BRIGED SUNGAI	47	KELAB REKREASI/KEMBARA
21	KELAB JURU UKUR	48	KELAB ROBOTIK
22	KELAB KEMAHIRAN HIDUP	49	KELAB SAINS KEMASYARAKATAN
23	KELAB KERJAYA	50	KELAB SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)
24	KELAB KESELAMATAN JALANRAYA	51	KELAB SEJARAH
25	KELAB KESIHATAN	52	KELAB SENI VISUAL
26	KELAB KEWANGAN PELAJAR SEKOLAH	53	KELAB SIVIK/MORAL
27	KELAB KITAR SEMULA	54	PERSATUAN / KELAB KALIGRAFI
		55	PERSATUAN / KELAB SENI KHAT
		56	KELAB PENGGERAK DIGITAL – ROBOTIK
		57	KELAB PENGGERAK DIGITAL – KOMPUTER
		58	KELAB PENGGERAK DIGITAL - FOTOGRAFIK

Catatan:

Bagi Kelab/Persatuan yang tidak terdapat dalam senarai, pihak sekolah boleh memilih Kelab/Persatuan yang mirip atau seumpama dengannya.

## 10.2. PASUKAN BADAN BERUNIFORM

**JADUAL 22: SENARAI PASUKAN BADAN BERUNIFORM**

<b>BIL.</b>	<b>ANJURAN</b>	<b>PASUKAN</b>
1	KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN	Tunas Kadet Remaja Sekolah
		Tunas Pertahanan Awam (TUSPA)
		Pancaragam Brass
2	BADAN BUKAN KERAJAAN	Persekutuan Pengakap Malaysia
		Persatuan Pandu Puteri Tunas
		Pergerakan Tunas Puteri Islam Malaysia (PPIM)
		Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)
		St.John Ambulans Malaysia
		Briged Putera Malaysia (Boys Brigade)
		Briged Puteri Malaysia (Girls Brigade)
		Briged Bakti Malaysia
3	PASUKAN SENI BELA DIRI	Silat
		Taekwondo
		Karate-do
		Silambam
		Kalaripayat
		Wusyu
		Taici
		Aikido
		Muaythai
		Ninjitsu
		Kendo
		Kuntau
		Tang Soo Do
Lain-lain yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan		

### 10.3. SUKAN/PERMAINAN

**JADUAL 23: SENARAI AKTIVITI SUKAN/PERMAINAN**

1	Akuatik/Renang/Terjun	16	Kabbadi
2	Badminton	17	Kriket / Kriket Kancil
3	Bola Baling	18	Lawan Pedang
4	Bola Jaring	19	Memamah
5	Bola Keranjang	20	Olahraga
6	Bola Sepak / Futsal / Blind Futsal	21	Perahu Layar
7	Bola Tampar	22	Petanque
8	Catur	23	Ping Pong
9	Frisbee	24	Ragbi Sentuh/Rimau
10	Gimnastik	25	Sepak Takraw
11	Gimrama	26	Skuasy
12	Goal Ball	27	Sofbol
13	Golf	28	Sukan Ekstrem
14	Hoki	29	Tenis
15	Hoki Ais	30	Tenpin Boling

Catatan:

Bagi Sukan/Permainan yang tidak terdapat dalam senarai, pihak sekolah boleh memilih Sukan/Permainan yang mirip atau seumpama dengannya.

**DOKUMEN PENTAKSIRAN  
SEGAK DAN BMI**

**BORANG REKOD SEGAK**  
